

5. Persetujuan Tidak Diperlukan

Kami mungkin memproses data peribadi subjek data tanpa persetujuan dalam keadaan berikut:

- a) Kecemasan yang boleh mengancam nyawa, keselamatan atau kesihatan seseorang individu atau individu lain.
- b) Persetujuan tidak boleh diperolehi tepat pada masanya dan diperlukan untuk sebarang tujuan yang jelas dalam kepentingan subjek data.
- c) Untuk siasatan atau prosiding.
- d) Data peribadi yang tersedia untuk umum.
- e) Sebarang keadaan lain yang dibenarkan dalam PDPA.

6. Tujuan dan Pendedahan

Kami mungkin menggunakan data peribadi yang diberikan untuk tujuan berikut (secara keseluruhan “Tujuan”):

- a) Untuk membolehkan kami melaksanakan semua tugas dan obligasi kami di bawah undang-undang, peraturan, arahan atau garis panduan yang berkaitan oleh mana-mana pihak berkuasa atau pihak berkuasa penyeliaan.
- b) Untuk memproses produk dan perkhidmatan yang diminta oleh subjek data.
- c) Untuk mewujudkan dan mengesahkan pengenalan dan latar belakang subjek data.
- d) Untuk menjalankan semakan rujukan kredit dan mewujudkan kepercayaan kredit.
- e) Untuk membolehkan kami melaksanakan semua obligasi kontrak.
- f) Untuk memproses pembayaran yang berkaitan dengan transaksi komersial.
- g) Untuk memenuhi keperluan kesihatan dan keselamatan dalam memastikan premis kami selamat dan terjamin.
- h) Untuk berkomunikasi dan mentadbir acara, aktiviti, jerayawara, promosi dan kempen yang berkaitan dengan produk dan perkhidmatan kami.
- i) Untuk memantau dan menambah baik acara, produk dan perkhidmatan kami.
- j) Untuk menghantar ucapan bermusim dan jemputan.
- k) Untuk membolehkan penyelesaian pertanyaan atau aduan.
- l) Untuk mewujudkan direktori atau pangkalan data (“database”).
- m) Untuk pelaksanaan aktiviti korporat seperti mesyuarat agung tahunan dan pembayaran dividen.
- n) Untuk menjalankan usaha wajar selaras dengan dasar dalaman kami.
- o) Untuk membantu dalam penyiasatan dalaman, audit dan tujuan keselamatan.
- p) Untuk mengesan/mencegah/menyiasat aktiviti penipuan atau haram.
- q) Untuk menjalankan penyelidikan dan analisis dalaman mengenai corak dan pilihan/keutamaan pelanggan untuk membangunkan dan menambah baik acara, program, produk dan perkhidmatan kami.